



Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon SKBMW

ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN CALON SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU BAGI WARGANEGARA ASING (SKBMW) TAHUN 2022

1. **KAEDAH UJIAN SKBMW**

- a. Ujian SKBMW dijalankan secara dalam talian.
- b. Calon boleh mendapatkan kata laluan dan *passcode* untuk *log in* ke dalam sistem ujian daripada Slip Pendaftaran Calon SKBMW (SKBMW/D).
- c. Calon perlu menyediakan komputer/gajet mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) melalui Arahan dan Panduan Menghadiri Ujian SKBMW di portal MPM pada pautan www.mpm.edu.my/skbmw/arahan-dan-panduan-menghadiri-ujian-skbmw.
- d. MPM tidak bertanggungjawab sekiranya kelancaran ujian terjejas disebabkan oleh komputer/gajet calon tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

2. **SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN SKBMW**

Terbuka kepada semua warganegara asing yang berada di dalam atau di luar Malaysia. Tiada had umur untuk menduduki ujian ini.

3. **TEMPOH SAH LAKU SIJIL UJIAN SKBMW**

Tiada

4. **KOMPONEN UJIAN SKBMW**

Ujian SKBMW terdiri daripada kemahiran Bertutur, Membaca, Menulis, dan Mendengar. Empat kertas ujian yang ditawarkan dalam ujian SKBMW adalah seperti yang berikut:

Kod kertas	Nama kertas	Tempoh masa
600/1	Kemahiran Bertutur	10 minit
600/2	Kemahiran Membaca	60 minit
600/3	Kemahiran Menulis	60 minit
600/4	Kemahiran Mendengar	40 minit

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Peraturan Am, Sukatan Peperiksaan, Skala Tahap Kecekapan, Format Ujian, dan Soalan Contoh** yang dapat diperoleh melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> pada bahagian SKBMW.

5. BAYARAN MENDUDUKI UJIAN SKBMW

- a. Bayaran untuk menduduki ujian SKBMW pada kali pertama adalah seperti yang berikut:

BAYARAN	RM
Yuran asas	60.00
Yuran kertas 600/1 Kemahiran Bertutur	30.00
Yuran kertas 600/2 Kemahiran Membaca	30.00
Yuran kertas 600/3 Kemahiran Menulis	30.00
Yuran kertas 600/4 Kemahiran Mendengar	30.00
Kit Pembelajaran SKBMW	20.00
Jumlah	200.00

- b. Untuk pendaftaran kali pertama, calon akan menerima Kit Pembelajaran SKBMW yang akan dihantar kepada calon melalui e-mel.
- c. Bayaran sebanyak RM150.00 akan dikenakan untuk pendaftaran kali kedua atau pendaftaran yang berikutnya.
- d. Pembayaran yuran secara perbankan internet (kad kredit atau kad debit).

6. CARA PENDAFTARAN CALON UJIAN SKBMW

- a. Pendaftaran calon dibuat secara dalam talian melalui portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.
- b. Calon boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran SKBMW melalui portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.
- c. Pihak institusi boleh mendapatkan maklumat pendaftaran calon daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.
- d. Calon bertanggungjawab untuk melengkapkan butiran pendaftaran dalam talian dengan betul.

7. CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

- a. Calon OKU dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekkak), pertuturan (sengau), dan selain yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada MPM **selewat-lewatnya dua minggu selepas tarikh pendaftaran ditutup**.
- b. Maklumat tentang jenis ketidakupayaan calon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Calon Cacat Penglihatan (Buta) (SKBMW/C5)** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa (SKBMW/C6)** (manapun yang berkenaan). Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami, seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan pegawai yang bertanggungjawab untuk menguruskan SKBMW di institusi (jika calon institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon OKU hanya akan dipertimbangkan jika borang SKBMW/C5 atau SKBMW/C6 (manapun yang berkenaan) diterima oleh MPM.**
- c. Borang SKBMW/C5 atau SKBMW/C6 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.

8. PENYATA PENDAFTARAN CALON SKBMW (SKBMW/PP)

- a. Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui penyata pendaftaran SKBMW (SKBMW/PP). Bagi calon institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada ejaan nama atau nombor pasport, calon dikehendaki mengemukakan permohonan pindaan kepada pegawai yang menguruskan SKBMW untuk dikemaskini. Pihak institusi dan calon persendirian individu hendaklah **mencetak dan menyimpan SKBMW/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran SKBMW masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya SKBMW/PP gagal dicetak/disimpan.**
- b. Calon persendirian individu perlu mengemaskinikan butiran pendaftaran sendiri secara dalam talian tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja sepanjang tempoh pendaftaran dibuka.
- c. Pengemaskinian maklumat pendaftaran secara dalam talian hanya boleh dilakukan sepanjang tempoh pendaftaran dibuka sahaja. Selepas tarikh tutup pendaftaran, pegawai yang menguruskan SKBMW di institusi dan calon persendirian perlu memohon pindaan maklumat secara manual dengan mengemukakan Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9) kepada MPM dengan menyertakan salinan muka depan pasport dan SKBMW/PP yang silap. Tiada caj tambahan dikenakan jika dikemaskinikan sebelum tarikh pendaftaran ditutup. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada SKBMW/D kelak.
- d. Borang SKBMW/C9 dapat dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.

9. TARIKH PENDAFTARAN DAN TARIKH UJIAN SKBMW

Maklumat tentang tarikh pendaftaran dan tarikh ujian terdapat pada Jadual Waktu Ujian di portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw/jadual-waktu-ujian>.

10. ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon akan dicetak pada Slip Daftar SKBMW (SKBMW/D).

11. SLIP PENDAFTARAN CALON SKBMW (SKBMW/D)

- a. Calon boleh mula mencetak SKBMW/D **3 minggu** selepas tarikh tutup pendaftaran. Jika calon tidak dapat mencetak SKBMW/D, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon institusi, pegawai yang menguruskan SKBMW perlu menghubungi MPM.
- b. Calon perlu mencetak **SKBMW/D** sendiri sebagai tiket untuk menduduki ujian SKBMW secara dalam talian.
- c. Calon dikehendaki menyemak maklumat **SKBMW/D** bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat, sila lengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** dan menghantarkannya kepada MPM dengan kadar **segera**. Permohonan yang dihantar **selepas** 10 hari dari tarikh tutup pendaftaran akan dikenakan caj tambahan sebanyak **RM50.00**.
- d. Calon hendaklah memastikan bahawa ejaan nama dan nombor pasport yang betul tertera pada **SKBMW/D**. Calon hendaklah menggunakan nombor pasport yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian dan akan menyusahkan calon sendiri.
- e. Calon juga perlu menyemak angka giliran, tarikh ujian, dan waktu ujian.

12. PINDAAN MAKLUMAT CALON SKBMW

- a. Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran secara dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul. Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon boleh mengemaskinikan maklumat tersebut secara dalam talian dalam tempoh 18 hari selepas tarikh tutup pendaftaran dengan melengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** dan menghantarnya kepada MPM dengan **kadar segera**. Borang tersebut boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/skbmw>.
- b. Bagi calon institusi, sekiranya calon gagal mengemaskinikan maklumat tersebut dalam tempoh pendaftaran dibuka, maka calon hendaklah melengkapkan **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** yang boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/> dan menghantarnya kepada MPM [u.p.: Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)]
- c. Permohonan pindaan maklumat yang diterima selepas **selepas** 10 hari dari tarikh tutup pendaftaran akan dikenakan caj tambahan sebanyak **RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. SKBMW/D dengan maklumat yang silap adalah sah dan boleh digunakan untuk menduduki SKBMW**. Pindaan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam buku Rekod Pengawasan. Pindaan hanya akan dibuat pada Sijil SKBMW yang akan dikeluarkan kelak. Sekiranya kesilapan maklumat berpunca daripada calon, maka caj tambahan **RM50.00** akan dikenakan kepada calon bagi tujuan pembetulan maklumat. Bayaran tersebut dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Calon perlu mengisi **Borang Pindaan Maklumat Calon (SKBMW/C9)** bagi tujuan tersebut.
- d. Calon hendaklah menggunakan nombor pasport yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menambahkan salah faham dengan Pengawas ujian dan akan menyusahkan calon sendiri.
- e. Bagi permohonan pindaan maklumat selepas Keputusan SKBMW diumumkan/Sijil SKBMW dicetak, calon perlu memohon salinan sijil SKBMW dengan mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil SKBMW (SKBMW/S2)** dengan bayaran **sebanyak RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia** serta melengkapkan borang SKBMW/C9. Sijil SKBMW yang ada kesilapan maklumat itu hendaklah dihantar/diposkan kepada MPM.
- f. Borang SKBMW/S2 boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/>.

13. MENARIK DIRI

- a. Calon yang menarik daripada menduduki SKBMW dikehendaki mengisi **Borang Calon Menarik Diri (SKBMW/C4)** yang boleh dicetak daripada portal MPM. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat buktinya sekali sebelum calon menduduki kertas ujian SKBMW. Borang SKBMW/C4 boleh dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my/>.
- b. Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian **tidak akan dikembalikan yuran** ujian SKBMW, kecuali bagi kes yang berikut:

- b.1 Calon ujian **meninggal dunia** sebelum tarikh ujian (satu salinan sijil kematian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara asal/tempat tinggal calon mesti dikemukakan oleh waris yang terdekat atau penjaga), yuran asas dan yuran bagi setiap komponen akan dikembalikan.
- b.2 Calon ujian mengalami **sakit yang berpanjangan atau kemalangan** sebelum tarikh ujian (satu salinan sijil sakit yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan negara asal/tempat tinggal calon mesti dikemukakan), yuran setiap komponen bagi komponen yang tidak diambil akan dikembalikan.
- c. Dokumen pada (b.1) dan (b.2) boleh die-melkan kepada MPM melalui skbmw@mpm.edu.my atau diposkan kepada Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**).

14. PENANGGUHAN MENDUDUKI UJIAN SKBMW

- a. Calon yang ingin menangguhkan ujian mesti mendapat kebenaran Majlis Peperiksaan Malaysia secara bertulis dengan memberikan alasan yang munasabah dalam masa 30 hari sebelum hari ujian. Rayuan boleh die-melkan kepada MPM melalui skbmw@mpm.edu.my atau diposkan kepada Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**).
- b. Kebenaran untuk menangguhkan ujian adalah atas budi bicara MPM.

15. KEPUTUSAN UJIAN SKBMW

- a. Keputusan ujian SKBMW akan diumumkan melalui portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.
- b. Pelaporan dalam keputusan ujian SKBMW calon berdasarkan skor dan tahap yang diperoleh oleh calon berdasarkan kertas (komponen) ujian.

16. SIJIL SKBMW

- a. Sijil SKBMW akan dikeluarkan kepada calon selepas keputusan diumumkan. Bermula ujian SKBMW tahun 2022, calon boleh memuat turun dan mencetak sendiri sijil SKBMW **dalam tempoh tiga tahun dari tarikh sijil dikeluarkan** dari portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>.
- b. Selepas tiga tahun, calon hanya boleh memohon **Penyata Sijil** SKBMW. Caj **RM50.00** perlu dibayar bersama-sama dengan permohonan bagi penyata sijil. Permohonan mesti diiringi dengan maklumat tentang calon berkenaan, iaitu nama penuh, nombor pasport, tahun ujian, dan nombor angka giliran.

- c. Calon ujian SKBMW yang kehilangan sijil SKBMW boleh memohon untuk mendapatkan **Salinan Sijil SKBMW**. Salinan Sijil SKBMW ialah **salinan kepada Sijil SKBMW yang asal**. Calon perlu melengkapkan borang **Permohonan Salinan Sijil SKBMW (SKBMW/S2)** dan menghantarnya kepada MPM bersama-sama dengan bayaran sebanyak **RM50.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Borang SKBMW/S2 dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM di pautan <http://www.mpm.edu.my>. Salinan Sijil SKBMW akan dipos kepada calon **seminggu selepas permohonan yang lengkap diterima oleh MPM**.

17. RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN SKBMW

Calon boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian SKBMW dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengumuman keputusan. Caj bagi rayuan menyemak semula keputusan ujian SKBMW ialah **RM50.00 bagi setiap kertas**. Pemohon hendaklah melengkapkan **Borang Permohonan Rayuan Penyemakan Semula Keputusan (SKBMW/PS1)** yang boleh dicetak daripada portal MPM dan hendaklah dihantar kepada MPM [**u.p. Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)**]. Maklumat lanjut tentang rayuan penyemakan semula keputusan ujian SKBMW dapat diperoleh melalui portal MPM di portal <http://www.mpm.edu.my>.

18. JAWAPAN CALON UJIAN SKBMW

Jawapan calon ialah milik MPM.

**KETUA EKSEKUTIF
 MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
 PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG
 68100 BATU CAVES
 SELANGOR DARUL EHSAN
 (U.P.: BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI)**

**Telefon: 03-6126 1634
 Faksimili: 03-61389453
 Portal MPM: www.mpm.edu.my
 E-mel: skbmw@mpm.edu.my**

KEMAS KINI: 18 OKTOBER 2022